



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-1/6/1 (10)
Tarikh : 03 April 2023
12 Ramadhan 1444H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR
BIL. 8 TAHUN 2023 : PENGGUNAAN SATU AKAUN BANK SAHAJA BAGI BAYARAN
KEPADA PENJAWAT AWAM (KOD VENDOR EMPLOYEE) MELALUI MODUL HUMAN
CAPITAL MANAGEMENT (HCM) DAN MODUL ACCOUNT PAYABLE (AP)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 3 Tahun 2023 bertarikh 29 Mac 2023 adalah juga berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 15 Mac 2023, mesyuarat bersetuju bagi **penggunaan satu akaun bank sahaja bagi pembayaran kepada penjawat awam melalui kod vendor EMPLOYEE untuk bayaran emolumen kepada Penjawat Awam melalui Modul *Human Capital Management (HCM)* – Payroll dan bayaran tuntutan perjalanan (TNT) serta tuntutan lain di Modul *Account Payable (AP)***. Ini adalah selaras dengan pelaksanaan penggunaan Tuntutan Perjalanan (TNT) HRMIS yang menggunakan nombor akaun daripada sumber data *Human Capital Management (HCM)*.
3. Keutamaan pembayaran kepada penjawat awam bagi modul AP adalah menggunakan satu nombor akaun sahaja iaitu sumber data dari HCM. Sekiranya terdapat keperluan bagi menggunakan nombor akaun selain daripada sumber data di HCM, pegawai melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah mendapat **pengecualian daripada Pejabat Perakaunan di atas justifikasi tertentu**. Pelaksanaan arahan ini adalah **berkuatkuasa pada 1 Mei 2023**.

4. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi pegawai Unit di bawah :

UNIT	TELEFON	EMAIL
Khidmat Pengurusan Pelanggan	072249244/ 072239318	ukpp_jhr@anm.gov.my
Gaji		gaji_jhr@anm.gov.my
Pengurusan Dana		dana_jhr@anm.gov.my

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor